

**UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA  
FAKULTI SENIBINA, PERANCANGAN DAN UKUR  
JABATAN SENIBINA DALAMAN.**

**APRIL 2009**

Adalah disyorkan bahawa Laporan Penyelidikan Projek ini yang di sediakan


oleh

**AYYUB ISA BIN IBRAHIM**

bertajuk

**LAPORAN CADANGAN MENAIKTARAF REKABENTUK DALAMAN,  
BELLEVUE HOTEL, BUKIT BENDERA,  
11300 PULAU PINANG.**

diterima sebagai memenuhi sebahagian daripada syarat untuk memperolehi Diploma Rekabentuk Dalaman

Penyelia Laporan :  8/4/2009 Cik Nur Hafisah Bt. Fadzil  
Koordinator Kursus : \_\_\_\_\_ Pn. Mawar Masri  
Koordinator Program : \_\_\_\_\_ Prof. Madya Dr. Hj. Mohd Sabrizaa Abd. Rashid

## **ABSTRAK**

Projek akhir ini merupakan cadangan menaik taraf ruang dalaman untuk Bellevue Hotel. Tujuan kajian ini dijalankan adalah untuk menarik lebih ramai pelancong mengunjungi Bukit Bendera dan menginap di sini. Selain itu, para pengunjung juga secara tidak langsung dapat menambah pengetahuan tentang alam semulajadi. Selain dari sebuah hotel, Bellevue Hotel juga menyediakan perpustakaan bagi memudahkan pengunjung yang kebanyakannya terdiri daripada para pencinta alam dan pengkaji-pengkaji alam sekitar untuk membuat kajian dan rujukan. Dengan danya hotel sebegini, ia dapat menambahkan perasaan cintakan alam sekitar dan menyedarkan orang ramai tentang pentingnya ekosistem di Negara kita. Ia juga dapat membantu mendekati masyarakat terutamanya golongan muda dan belia dengan alam sekitar. Dengan adanya Muzium Tentera Darat, golongan-golongan ini dapat mengetahui serta memahami peralihan masa memandangkan hotel ini mempamerkan gambar-gambar dan lukisan-lukisan yang telah terbukti sahih tentang keadaan pada waktu pemerintahan British di Pulau Pinang umumnya dan Bukit Bendera khususnya. Antara kajian yang telah dilakukan termasuklah kajian pemilihan tapak, kajian temuramah, kajian pemerhatian, kajian kes dan kajian dengan membuat soal selidik. Tujuannya adalah untuk mengkaji kelebihan dan kelemahan yang terdapat di dalam rangkaian muzium masa kini. Kajian-kajian dan pengumpulan data ini akan diterapkan di dalam proses menaik taraf untuk mendapatkan rekabentuk yang selesa dan menarik di samping imej dan gaya yang tersendiri.

<b>ABSTRAK</b>	i
<b>PENGHARGAAN</b>	ii
<b>ISI KANDUNGAN</b>	iii
<b>SENARAI FOTO</b>	vi
<b>SENARAI RAJAH</b>	viii
<b>SENARAI JADUAL</b>	x
<b>SENARAI LAMPIRAN</b>	xi
<b>SENARAI SINGKAT KATA</b>	xii

**KANDUNGAN**

**MUKA SURAT**

<b>BAB 1.0</b>	<b>PENDAHULUAN</b>	
1.1	Pengenalan	1
1.2	Metodologi Kajian	2
1.3	Matlamat Kajian	4
1.4	Objektif Kajian	4
1.5	Skop Kajian	5
1.6	Halangan Kajian	5
1.7	Kepentingan Kajian	5

<b>BAB 2.0</b>	<b>KLIEN</b>	
2.1	Latarbelakang	6
2.2	Carta Organisasi	7
2.3	Visi Dan Misi Klien	8
2.4	Imej Korporat Klien	9
2.5	Projek	10
2.6	Pengenalan	10
2.7	Kehendak Klien	11
2.8	Skop Kerja	15
2.9	Rumusan	17
<b>BAB 3.0</b>	<b>KAJIAN DAN ANALISIS</b>	
3.1	Latar Belakang Tapak	18
3.2	Analisa Bangunan Sedia Ada	19
3.3	Ringkasan Penemuan	47
3.4	Rumusan	47

## **BAB 1.0**

### **PENGENALAN**

#### **1.1 PENGENALAN KEPADA PROJEK**

Bagi laporan projek akhir ini, saya telah memilih untuk mereka bentuk dan menaiktaraf sebuah hotel iaitu Bellevue Hotel di Bukit Bendera, 11300 Pulau Pinang. Idea untuk mereka bentuk dan menaik taraf hotel ini timbul kerana hotel ini merupakan satu-satunya hotel di Bukit Bendera, namun tidak banyak rekabentuk dalaman hotel ini menggambarkan persekitaran, sejarah dan keistimewaan Bukit Bendera. Tidak ramai di kalangan kita tahu akan keistimewaan, kepentingan serta sejarah berkaitan dengan Bukit Bendera di Negara kita khususnya pelancong luar negara.

Hotel boleh didefinisikan sebagai tempat penginapan sementara dengan bayaran yang tertentu mengikut perkhidmatan yang disediakan. Terdapat pelbagai jenis cara untuk mereka bentuk ruang-ruang di dalam sesebuah hotel. Ruang dalaman hotel tersebut, terutamanya lobi dan bilik haruslah selesa dan membuatkan pengunjung berasa tenang.